

Impian gapai emas

SAUDARA PENGARANG.

DARI Bumi Kenyalang, fokus seluruh rakyat Malaysia mula beralih ke bumi Rio de Janeiro, Brazil bagi mengikuti perkembangan temasya Sukan Olimpik yang kini sedang rancak dipertandingkan. Sememangnya untuk edisi kali ini seluruh rakyat Malaysia meletakkan harapan yang begitu tinggi iaitu sekurang-kurangnya ada atlet negara yang dikalungkan dengan pingat emas.

Jika impian itu menjadi kenyataan akan terpahat satu sejarah gemilang dalam bidang sukan negara. Untuk makluman semua sepanjang penyertaan Malaysia dalam sukan yang amat berprestij ini atlet negara hanya mampu membawa pulang pingat perak dan gangsa.

Dalam pada itu sebahagian besar pemerhati sukan tempatan berpendapat Sukan Olimpik Rio yang bermula sejak Jumaat lalu dianggap medan terbaik buat semua atlet Malaysia untuk memungut pingat emas.

Perkara itu bukan mustahil memandangkan prestasi atlet-atlet negara kini berada pada kedudukan terbaik. Bagi menyuntik semangat para atlet, ganjaran wang tunai RM1 juta juga bakal diberikan kepada mana-mana ahli sukan yang berjaya membawa pulang pingat emas ke bumi Malaysia.

Pada Sukan Olimpik 1996 di Atlanta, Amerika Syarikat, Malaysia hampir melakar sejarah namun nasib belum memihak kepada atlet negara kita apabila pasangan beregu badminton, Cheah Soon Kit dan Yap Kim Hock sekadar meraih pingat perak.

Demikian jugalah keadaannya dengan bintang handalan badminton negara, Datuk Lee Chong Wei apabila beliau hanya



PENERJUN negara, Pandelela Rinong dan Cheong Jun Hoong berjaya meraih pingat perak dalam acara 10 meter platform seirama pada temasya Sukan Olimpik Rio 2016, di Pusat Akuatik Maria Lenk, Rio De Janeiro, kelmarin. - UTUSAN/MD.SHAHJEHAN MAAMIN

berjaya mendapat pingat perak dalam temasya Sukan Olimpik di Beijing (2008) dan sekali lagi di London (2012).

Berbeza dengan Olimpik Rio kali ini, sandaran bukan setakat sukan badminton sahaja sebaliknya terdapat beberapa acara lain yang dilihat mampu menghadiahkan emas pertama buat negara antaranya berbasikal, terjunan dan pelayaran.

Acara terjun telah memulakan langkah kanan berikutnya kejayaan penerjun sensasi wanita negara, Pandelela Rinong serta pasangannya Cheong Jun Hoong yang berjaya memenangi pingat perak di Sukan Olimpik Rio awal pagi semalam dalam acara terjun 10 meter platform seirama.

Kejayaan mereka itu mampu menjadi pendorong kepada kutipan pingat seterusnya.

Kita juga masih menantikan aksi Pandelela dan Jun Hoong seterusnya dalam kategori individu. Diharap penyertaan kedua-dua penerjun handalan ini mampu menghadiahkan satu lagi pingat untuk negara. Sandaran emas turut diletakkan kepada pelumba basikal negara, Azizulhasni Awang dan Fatehah Mustapa yang dijadualkan akan memulakan misi pemburuan pingat pada 16 Ogos ini.

Calon emas seterusnya sudah tentu pemain badminton nombor satu negara, Chong Wei yang akan mulakan saingan tidak lama lagi. Olimpik Rio adalah

medan terbaik bagi Chong Wei untuk mendapatkan pingat emas selepas gagal berbuat demikian dalam siri temasya Olimpik sebelum ini.

Bagi saya tiada istilah mustahil dalam usaha kita memburu emas pertama buat Malaysia asalkan segala strategi yang dirancang berjaya dilaksanakan dengan baik dan tepat.

Sudah pasti jurulatih masing-masing mempunyai perkiraan tertentu bagi memastikan anak didik mereka berjaya meraih emas buat Malaysia. Tambahan pula beberapa jaguh sukan negara seperti Chong Wei, Pandelela dan Azizulhasni sentiasa bertanding di kejohanan-kejohanan antarabangsa. Sudah tentu pengalaman yang ada mampu memberi kelebihan kepada mereka dalam usaha memburu emas pertama buat Malaysia.

Tidak ketinggalan atlet-atlet yang lain. Walaupun tiada sandaran khusus diberikan kepada mereka tidak mustahil ada di antaranya yang mampu membuat satu kejutan dalam sukan disertai.

Saya sekali lagi amat mengharapkan semua atlet Malaysia dapat menunjukkan semangat juang yang jitu dan tidak mudah goyah apabila bersaing dengan atlet-atlet antarabangsa lain. Kami di tanah air sentiasa mendoakan kejayaan atlet-atlet kita.

Diharap juga kejayaan atlet dua negara Asia Tenggara iaitu Thailand dan Vietnam merangkul pingat emas mampu memberi inspirasi kepada atlet-atlet kita untuk melakar satu sejarah yang tidak pernah terpahat di negara kita.

WAN MOHD. RULZAN WAN OMAR

Kuala Terengganu